

INFOKUS



MAC 2026 | Bil. 93
www.umat.edu.my



eISSN 2716-6457



9 772716 645004

**Akuakultur
Dinamik**
dalam Landskap
Ekonomi Biru

UMT Bakal
Keluarkan
**40 Tan Melon
Manis Terengganu
Setahun**

**Diplomasi Ilmu
Merentas Asia
Tengah**
Misi Akademik UMT
ke Uzbekistan

Terkini di Pasaran




RM16.00

HADIAH UNTUK AI LING

Pengarang

Isma Rosila Ismail, Mariati Mat Salleh & Nurul Ain Chua Abdullah

ISBN: 978-629-7625-99-7
Tahun: 2026



RM45.00

ATLAS OF STINGLESS BEES POLLEN SOURCES IN SEKAYU

Pengarang

Zubaidah Abu Hassan & Shamsul Bahri Abdul Razak

ISBN: 978-629-7882-01-7
Tahun: 2026



RM98.00

CLIMATE ADAPTATION THROUGH TECHNOLOGICAL APPLICATIONS AND COMMUNITY ENGAGEMENT

Penyunting

Yosie Andriani, Fadzilah Adibah Abdul Majid & Maharani Abu Bakar

ISBN: 978-629-7882-02-4
Tahun: 2026



RM42.00

SISTEM AKUAPONIK TERNAKAN IKAN TILAPIA

Penyunting

Hidayah Manan, Suhairi Mazelan, Siti Jalilah Mohamed, Norhafiza Ilyana Yatim & Amyra Suryatie Kamaruzzan

ISBN: 978-629-7882-04-8
Tahun: 2026




RM18.00

BE A GERM BUSTER

Editors

Siti Aisyah Razali, Suzana Misbah, Shahidee Zainal Abidin & Wan Iryani Wan Ismail

ISBN: 978-629-7882-05-5
Tahun: 2026



RM42.00

FROM TEA TO TECHNOLOGY KOMBUCHA AND BACTERIAL CELLULOSE FOR SUSTAINABLE INNOVATION

Pengarang

Azila Adnan & Aziz Ahmad

ISBN: 978-629-7882-08-6
Tahun: 2026

like and follow us on



penerbitumt

Sidang Redaksi



Penaung

Profesor Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim



Penasihat

Prof. Madya Dr. Che Hasniza Che Noh



Ketua Pengarang

Mohd Afifullah Ahmad



Editor

Arifuddin Ramlee



Pereka Grafik

Wan Farida Hamimi Wan Ismail



Pembaca Pruf

Azeeha Ibrahim

Jurufoto

Media Kreatif UMT, Koleksi Pengarang dan Kecerdasan Buatan

Kandungan

- 4 Akuakultur Dinamik dalam Landskap Ekonomi Biru
- 6 UMT Bakal Keluarkan 40 Tan Melon Manis Terengganu Setahun
- 9 Diplomasi Ilmu Merentas Asia Tengah Misi Akademik UMT ke Uzbekistan
- 11 Misi Kami Zero Dadah Usaha Awal Tangani Penyalahgunaan Dadah
- 13 AkuaLestari Usaha Tingkatkan Kesedaran Marin dan Hidupan Akuatik Generasi Muda
- 15 UMT-UDINUS Perkasa Kesedaran Kesihatan Belia
- 17 Lebih dari Sekadar MUET Kemahiran Interaktif UMT Sediakan Pelajar Hadapi Dunia
- 19 Melahirkan Komuniti S.M.A.R.T dalam Era Siber
- 21 Colors Safe Surprise Terokaan Dunia Warna Kanak-Kanak
- 23 UMT Lebar Jaringan Industri, Tingkatkan Penarafan QS Ranking Bersama Alumni di Pelabuhan Tanjung Pelepas
- 25 Perisai Minda Nusantara Bermulanya Revolusi Kampus Minda Selamat dan Sihat di FSKM
- 27 Program Mobiliti Berkredit FSSM Terap Pengalaman Baharu di Universitas Negeri Malang
- 29 Metode Low-Code Menggunakan Ms Power Apps Membangunkan Aplikasi Mudah Alih Pantas
- 31 AKUATROP Perkaya Pengalaman Penyelidikan Akademik Mahasiswa Universitas Airlangga
- 33 Bengkel Pencapaian dan Perancangan Strategik Perkukuh Agenda Alumni
- 35 Manifestasi Kecemerlangan Akademik Refleksi Accounting Excellence Award 2025
- 37 Bengkel Pemantapan Kepimpinan KUAT Perkasa Tadbir Urus Kesatuan
- 39 Bengkel Kemahiran Digital Bersama Komuniti Usahawan OKU
- 41 Bengkel Github Copilot Bantu Mahasiswa Kuasai Teknologi AI
- 43 Program Kasih Ramadan Mutiara & BERKAT 2026 Santuni Golongan Asnaf dan OKU
- 45 Solusi Kehidupan dengan Terapi Zikir Asma'ul Husna Al-Baasith (Siri 23)

AKUAKULTUR DINAMIK DALAM LANDSKAP EKONOMI BIRU

Oleh:

Dr. Norhidayah Abdul Manan
Prof. Madya Ts. Dr. Khor Wai Ho
Profesor Dr. Muhammad Ikhwannuddin Abdullah
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP)

Akuakultur memainkan peranan penting dalam memperkukuh Ekonomi Biru atau lebih dikenali sebagai Blue Economy. Kami para penyelidik di Insitut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) cakna dengan perkembangan isu semasa berkenaan Ekonomi Biru dan berusaha memperkukuhkan peranan akuakultur dalam Ekonomi Biru. Antara pendekatan yang boleh dilakukan adalah memastikan aktiviti akuakultur dijalankan secara lestari dan berhemah untuk pertumbuhan ekonomi, dan juga untuk peningkatan kesejahteraan hidup rakyat di samping pemeliharaan ekosistem alam sekitar secara lestari. Buat masa kini, permintaan makanan laut global semakin meningkat sementara stok perikanan tangkap kian berkurang akibat penangkapan berlebihan dan juga akibat perubahan cuaca.

Sektor akuakultur muncul sebagai penyelesaian utama bagi menampung permintaan stok perikanan tangkap di samping dapat mengurangkan tekanan

terhadap permintaan stok perikanan tangkap. Melalui aktiviti penternakan ikan marin, kerang-kerangan, rumpai laut serta organisma akuatik yang lain, akuakultur bukan sahaja memperkukuh keselamatan bekalan sumber protein marin, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan Ekonomi Biru, khususnya di kawasan pesisir pantai dan juga kawasan luar bandar.

Sumbangan utama akuakultur kepada Ekonomi Biru adalah potensi pengeluaran sumber protein secara lestari. Amalan penternakan moden yang terkini lebih menumpukan kepada penggunaan teknologi dan sistem mesra alam seperti aplikasi Recirculating Aquaculture Systems (RAS), Integrated Multi-Trophic Aquaculture (IMTA), sistem Internet of Things (IoT) & sensor, dan juga sistem moden ternakan sangkar laut lepas. Teknologi ini terbukti bukan sahaja dapat mengurangkan sisa ternakan akuakultur malah dapat menjaga kualiti air dan mengoptimumkan penggunaan sumber, sejajar dengan matlamat Ekonomi Biru untuk menyeimbangkan produktiviti di

samping menjaga kelestarian sumber dan alam sekitar.

Akuakultur turut menjana nilai ekonomi dan manfaat yang besar melalui penciptaan peluang pekerjaan dalam bidang penternakan, pemprosesan, pengedaran, dan industri sokongan. Banyak negara termasuk Malaysia, menjadikan sektor akuakultur sebagai sumber pendapatan komuniti pesisir pantai selain mengukuhkan peranan penternak kecil serta menarik pelabur besar dari luar dalam penggunaan sistem ternakan akuakultur moden. Perkembangan penternakan hidupan akuatik laut seperti pengkulturan tiram, kerang, rumpai laut, udang, dan ikan marin seperti kerapu, siakap, ikan merah menunjukkan bagaimana akuakultur boleh mempelbagaikan pengeluaran hasil sumber protein, sekali gus memacu inovasi dan perdagangan dalam pasaran makanan laut ke peringkat global.

Sementara itu, dari sudut alam sekitar, akuakultur memberi manfaat apabila diuruskan secara bertanggungjawab dan lestari. Penternakan rumpai laut dan kerang misalnya, membantu meningkatkan kualiti air dengan menyerap nutrien berlebihan dan sekuestrasi karbon, seterusnya

menyumbang kepada mitigasi perubahan iklim dan kelestarian alam. Selain daripada itu, akuakultur dapat mengurangkan pergantungan terhadap penangkapan stok ikan liar serta menyokong kepada program pemulihan stok spesies terancam.

Oleh itu, masa depan akuakultur dalam Ekonomi Biru bergantung pada tadbir urus yang mampan, aplikasi inovasi dan teknologi terkini, serta kerjasama pelbagai pihak. Aspek penting termasuk kawalan biosekuriti, pelaksanaan prinsip ekonomi kitaran serta penyelesaian isu seperti penyakit ternakan dan kelestarian bekalan sumber protein.

Kesimpulannya, akuakultur merupakan tonggak utama dalam pembangunan Ekonomi Biru yang menampung kepada keselamatan makanan serta pengeluaran sumber protein secara lestari serta memacu kepada pertumbuhan ekonomi dan manfaat kepada alam sekitar. Dengan pengurusan sistem ternakan yang baik dan inovasi berterusan, akuakultur berpotensi mengubah sosio-ekonomi penduduk kawasan pesisir pantai di samping memastikan kelestarian bekalan sumber protein kekal terjamin untuk generasi akan datang.

Akuakultur dalam Konteks Ekonomi/ Blue Economy



Pertumbuhan Ekonomi



Kelestarian Sumber Makanan



Peluang Pekerjaan & Sumber Pendapatan



Kelestarian Alam Sekitar

UMT BAKAL KELUARKAN 40 TAN MELON MANIS TERENGGANU SETAHUN

Oleh: Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zaliha Wan Sembok
Nor Afifah Abd Rahman
Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi

Melon Manis Terengganu (MMT) telah meniti daripada bibir ke bibir dek rasanya yang manis, rangup dan beraroma. Tambahan pula kulitnya yang berwarna kuning keemasan, tiada jaringan halus dan isinya yang berwarna oren menjadi satu tarikan kuat untuk dibeli walaupun diletakkan pada harga yang sangat tinggi. Kualiti lepastuai inilah yang menyebabkan MMT luar biasa dan menjadi kebanggaan rakyat Terengganu selari dengan jolokan ikon buah negeri Terengganu. Hilangnya sentiasa dicari kerana rasanya melonnya tiada bandingan.

Nama saintifiknya, Cucumis melo var. Inodorus cv. Manis Terengganu 1 (MMT) dijual berdasarkan berat dan mempunyai 3 gred jualan iaitu Premium (1.5 kg ke atas), Gred A (1.0 – 1.49 kg) dan Gred B (0.8 – 0.9kg). Walaupun berbeza gred, rasa MMT tidak berubah dan kualiti rasanya kekal konsisten. Justeru, untuk mengekalkan kualiti MMT serta memastikan penghasilannya sepanjang tahun, ia bukanlah satu perkara yang mudah.

Melalui projek Empowering Marginalized Communities' Socio-Economy Through Sustainable Cultivation of Melon Manis Terengganu di bawah Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera 2020 (DPUB2020), sekumpulan pensyarah UMT telah melangkah setapak ke hadapan dengan meningkatkan bilangan pengusaha Melon Manis Terengganu (MMT) di empat daerah terpilih, iaitu Kuala





Terengganu, Kuala Nerus, Marang dan Hulu Terengganu yang memfokuskan golongan B40. Tertubuhnya Honey Melon World Sdn. Bhd. (HMW Sdn. Bhd.) sebagai pelaksana projek dan memainkan peranan penting dalam merealisasikan sasaran pengeluaran sebanyak 40 tan setahun melalui penglibatan 28 orang pengusaha yang telah dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan.



Bermula dengan dua orang pengusaha MMT pada Februari 2024, Ladang Melon di Kampus UMT Bukit Kor telah berjaya menghasilkan sebanyak 2.8 tan MMT daripada 4,000 pokok yang ditanam. Manakala pada tahun 2025 menyaksikan peningkatan pengeluaran sebanyak 1 tan MMT dari Ladang Melon, Kampus UMT Bukit Kor. Namun begitu, pada Jun 2024 dan Jun 2025, pengeluaran MMT mencatatkan penurunan di atas faktor serangan lalat putih, lalat buah serta gangguan kera.

Bagi tahun 2026, bilangan pengusaha meningkat sebanyak 85%, dengan sasaran pengeluaran pada musim pertama dianggarkan mencapai 40 tan setahun. Dengan kapasiti 7200 polibeg di Kampus UMT Bukit, Kor dan 22000 polibeg di empat daerah terpilih, jangkaan hampir 20 tan MMT mampu dikeluarkan pada musim pertama ini iaitu antara Februari dan April 2026.

Melalui dana DPUB2020, Ketua Projek Bahagian Agro, Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zaliha Wan Sembok bersama pasukan sebanyak 17 unit Rumah Pelindung Hujan





di Kampus UMT Bukit Kor. Selain itu, sebanyak 22 unit sistem fertigasi terbuka lengkap dengan sistem pengairan serta input pertanian turut disalurkan kepada para pengusaha terlibat. Menurut Pegawai Pengurus Projek HMW Sdn. Bhd, Nor Afifah Abd. Rahman berkata, “pihak kami mengambil masa selama empat bulan untuk menyiapkan sistem fertigasi terbuka di 17 lokasi yang berbeza.” Beliau turut menambah bahawa “kerjasama erat antara HMW Sdn. Bhd. dan syarikat kontraktor yang dilantik memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini.”

Zulfikir Annuar (34 tahun), salah seorang pengusaha terpilih, menyatakan rasa teruja dan gembira kerana diberi peluang menyertai projek Melon Manis Terengganu (MMT) ini. Menurut En. Zulfikir, “saya sebenarnya tidak mempunyai pengalaman menanam MMT, namun dengan ilmu dan bimbingan yang diberikan oleh pihak UMT, saya berjaya menghasilkan hampir 700 kg buah dengan pulangan hasil sekitar RM5,000.00 bagi musim pertama yang berlangsung pada musim tengkujuh tahun lalu.” Beliau turut berkongsi bahawa penanaman MMT menggunakan sistem terbuka sememangnya sangat mencabar, terutamanya pada musim hujan. Namun demikian, ia menjadi pendorong untuk beliau terus bersemangat.

Sementara itu, Fatin Nur Atillia (28 tahun), alumni UMT yang kini merupakan pelajar peringkat Sarjana, juga menceburi



bidang keusahawanan tani dan menjadi salah seorang pengusaha MMT. Menurut beliau, “Saya sangat optimis dan sentiasa bersemangat untuk mencapai sasaran hasil yang telah digariskan.”

Beberapa siri bengkel berkaitan penanaman MMT telah diadakan dan lawatan tapak lokasi dilakukan dua minggu sekali mengikut keperluan bagi memastikan objektif projek tercapai. Target pengeluaran 40 tan MMT ini tidak akan berlaku tanpa kerjasama dan dorongan serta sokongan pengurusan UMT yang tidak berbelah bahagi kepada projek penanaman MMT ini terutamanya pembangunan Ladang Melon, Kampus UMT Bukit Kor.

DIPLOMASI ILMU MERENTAS ASIA TENGAH **MISI AKADEMIK UMT KE UZBEKISTAN**

Oleh: Dr. Wiwied Virgiyanti
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Delegasi UMT melalui Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) sekali lagi melakar pencapaian bermakna dalam agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi menerusi Program Mobiliti Berkredit Antarabangsa (Outbound) ke Andijan State University (ASU), Uzbekistan. Program yang berlangsung selama 16 hari, bermula 18 September hingga 4 Oktober 2025, yang telah disertai oleh 10 orang pelajar Sarjana Muda Sains Komputer dan seorang pelajar Sarjana Muda Sains Matematik. Misi akademik ini diketuai oleh Penyelaras Mobiliti Pelajar Antarabangsa FSKM, Ts. Dr. Wiwied Virgiyanti.

Program ini bukan sekadar lawatan akademik biasa, sebaliknya merupakan platform strategik yang menggabungkan elemen *Visiting Professorship* dan pertukaran pelajar bagi memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Uzbekistan. Misi utama delegasi adalah merapatkan jurang akademik dalam bidang sains komputer, khususnya teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dan Pembelajaran Mesin (Machine Learning), di samping menyelami kekayaan sejarah serta peradaban Asia Tengah.

Sepanjang berada di Andijan, para pelajar UMT mengikuti jadual akademik intensif di Fakulti Kejuruteraan Teknologi Maklumat, ASU. Mereka didedahkan kepada modul termaju seperti Artificial Intelligence, Signal and Image Processing, dan Discrete Structures yang dikendalikan

oleh pakar tempatan. Pendekatan pengajaran yang berbeza, khususnya penekanan terhadap pembuktian matematik dalam algoritma. Selain itu, pelajar turut terlibat dalam sesi praktikal menggunakan platform Kaggle bagi pembelajaran regresi linear serta pendedahan kepada pembangunan aplikasi mudah alih untuk menyelesaikan isu komuniti setempat.

Pada masa yang sama, peranan Prof. Madya Ts. Dr. Zuriana Abu Bakar dan Ts. Dr. Wiwied Virgiyanti sebagai pensyarah pelawat dimanfaatkan sepenuhnya melalui sesi perkongsian ilmu di ASU dan juga di Kokand University cawangan Andijan. Sesi ini menjadi wadah pertukaran pandangan tentang sistem pendidikan tinggi Malaysia dan Uzbekistan, di samping membincangkan potensi kolaborasi penyelidikan masa hadapan antara kedua-dua institusi. Hasil daripada jaringan strategik ini, seramai 31 orang pelajar ASU telah berjaya didaftarkan untuk menyertai program Mobiliti (Inbound) di UMT—satu pencapaian signifikan dalam menyokong agenda pengantarabangsaan universiti.

Selain pengisian akademik, program ini turut menyuntik elemen diplomasi budaya yang unik. Antara sorotan utama ialah pertandingan memasak hidangan kebangsaan sempena National Food Day. Delegasi UMT memperkenalkan cita rasa Malaysia melalui sajian seperti Nasi Goreng Cina, Ayam Buttermilk dan Teh Tarik, manakala pihak tuan rumah

menyajikan hidangan tradisi mereka seperti Plov (Osh) dan salad Achichuk. Aktiviti ini berjaya memupuk semangat setiakawan serta mempererat hubungan merentas budaya dalam suasana harmoni.

Delegasi turut dibawa menelusuri sejarah tamadun Islam dan Laluan Sutera melalui lawatan ke bandar bersejarah Samarkand. Kunjungan ke tapak warisan dunia UNESCO seperti Registan dan Makam Islam Karimov memberikan pendedahan mendalam mengenai seni bina serta sejarah rantau ini. Pengalaman menyambut Hari Guru di Uzbekistan pada

30 September turut meninggalkan kesan emosi yang mendalam apabila budaya menghargai pendidik diraikan dengan penuh tradisi melalui pemberian bunga kepada para pensyarah.

Secara keseluruhannya, program mobiliti ini berjaya mencapai objektif dalam melahirkan mahasiswa berdaya saing dan berminda global. Cabaran perbezaan bahasa, cuaca dan budaya bukan sahaja berjaya diatasi, malah menjadi pengalaman pembelajaran bermakna yang meningkatkan kemahiran komunikasi, kebolehsuaian dan daya tahan diri para pelajar.





MISI KAMI: ZERO DADAH!

USAHA AWAL TANGANI PENYALAHGUNAAN DADAH

Oleh: Norliawati Mohd Sidek
Akbar Ali Abd Kadir
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Isu penyalahgunaan dadah terus menjadi antara cabaran sosial paling membimbangkan di Malaysia, dengan statistik kebangsaan menunjukkan peningkatan kes melibatkan golongan remaja saban tahun. Lebih merisaukan, pendedahan awal terhadap bahan terlarang kini tidak lagi terhad kepada peringkat sekolah menengah, malah mula menyentuh murid sekolah rendah.

Menyedari tentang masalah tersebut, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), UMT melalui Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan (JIDK) dengan kerjasama RIG 1 – Kelestarian dan Komuniti telah mengambil inisiatif menganjurkan program pendidikan komuniti bertajuk 'Misi Kami: Zero Dadah!'. Program ini dilaksanakan pada Ahad, 7 Disember 2025 bertempat di Sekolah Kebangsaan Pechah Rotan, Kuala Nerus, Terengganu, melibatkan seramai 36 orang murid Tahun 4, 5 dan 6 sebagai peserta utama.

Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada keperluan kursus PPA3143 Kimia dan Masyarakat, yang menekankan pemindahan ilmu dari universiti kepada komuniti. Program ini digerakkan sepenuhnya oleh 13 orang mahasiswa dan mahasiswi UMT di bawah bimbingan pensyarah kursus, Pn. Norliawati Mohd Sidek, selaku ketua projek. Turut terlibat memberikan sokongan akademik dan kepakaran ialah En. Akbar Ali Abd Kadir, Ketua Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan, serta Dr. Syuhaida Mohamed@Jaafar, Pensyarah PPAL.

Program 'Misi Kami: Zero Dadah!' dirancang khusus untuk memberi pendedahan awal kepada murid-murid sekolah rendah tentang bahaya dadah dari sudut saintifik, kesihatan dan sosial. Penekanan diberikan kepada kefahaman asas mengenai jenis-jenis dadah, bahan kimia yang terkandung di dalamnya, kesan jangka pendek dan jangka panjang

terhadap tubuh badan, serta implikasi terhadap emosi, tingkah laku dan masa depan individu.

Program bermula seawal jam 9.00 pagi dengan sesi pengenalan dan aktiviti pemanas badan bagi mewujudkan suasana ceria serta mesra pembelajaran. Slot pertama, 'Celik Dadah: Kuiz dan Kesedaran', memberi pendedahan asas tentang dadah dan kesannya melalui penerangan ringkas, visual menarik serta sesi kuiz yang menguji kefahaman murid. Elemen permainan diselitkan bagi memastikan murid kekal fokus dan terlibat secara aktif.

Slot kedua pula iaitu, "Langkah Berani: Katakan Tidak!", memberi penekanan kepada kemahiran membuat keputusan. Melalui aktiviti lakonan situasi, murid-murid dilatih untuk mengenal pasti keadaan berisiko dan mempraktikkan cara menolak ajakan yang mencurigakan dengan yakin dan tegas. Pendekatan ini penting dalam membina daya tahan diri murid terhadap tekanan rakan sebaya, yang dikenal pasti antara faktor utama pendedahan awal kepada dadah.



Program diteruskan dengan slot ketiga, "Cari Kata: Katakan Tidak Kepada Dadah", iaitu aktiviti pencarian perkataan secara berkumpulan. Aktiviti ini bukan sahaja dapat mengukuhkan pemahaman terhadap istilah dan konsep yang telah dipelajari, malah menggalakkan kerjasama, komunikasi dan pembelajaran aktif dalam kalangan murid.

Sepanjang pelaksanaan program, respons yang ditunjukkan oleh semua murid yang terlibat amat memberangsangkan. Murid bukan sahaja menunjukkan minat yang tinggi, malah berani bertanya soalan dan berkongsi pandangan mereka mengenai bahaya dadah. Guru-guru sekolah turut menyambut baik program ini dan mengakui keperluan untuk lebih banyak inisiatif seumpama ini dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

Secara keseluruhan, program "Misi Kami: Zero Dadah!" ini membuktikan bahawa pendidikan pencegahan yang dilaksanakan secara lebih awal, bersifat interaktif dan berfokus kepada pembentukan nilai mampu menjadi benteng utama dalam menangani isu penyalahgunaan dadah. Usaha sebegini tidak seharusnya terhenti sebagai program sekali lalu, sebaliknya perlu diperluas dan disokong melalui kerjasama berterusan antara universiti, sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.





AKUALESTARI

USAHA TINGKATKAN KESEDARAN MARIN DAN HIDUPAN AKUATIK GENERASI MUDA

Oleh: Nurzuhrah Hassan
Nurul Ulfah Karim
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Menyedari keperluan tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam marin perlu dipupuk dan diketengahkan, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), UMT, dengan kerjasama Persatuan Kerang-kerangan Malaysia mengambil tanggungjawab menganjurkan Program *AkuaLestari: Eksplorasi Marin dan Hidupan Akuatik* telah berjaya dilaksanakan pada 5 Februari 2026 bertempat di Sekolah Kebangsaan Tanjung Gelam, Kuala Nerus, Terengganu.

Program ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) di bawah *Environmental and Social Sustainability Funds (ESSF)*. Seramai 24 orang pelajar bersama dua orang guru pengiring telah terlibat dalam program

ini. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengurusan Lestari, Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko UMT, Prof. Madya ChM. Dr. Chia Poh Wai.

Program dimulakan dengan dua sesi syarahan iaitu *Ocean Planet: Another World Beneath the Surface* yang disampaikan oleh Ts. Dr. Siti Tafzilmeriam binti Sheikh Abdul Kadir, dan diteruskan dengan Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah Karim bertajuk *Blue Planet, Dirty Plate?*.

Selain sesi perkongsian ilmu, para pelajar turut terlibat dalam pelbagai aktiviti interaktif berkumpulan seperti *Discover Aquatic Life, Crack the Code: Aquatic Ecosystem, Green Innovation for a Blue Planet*, dan *Seashells: Resin Art*. Aktiviti berkonsepkan pembelajaran secara

praktikal ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman pelajar, malah memupuk kemahiran komunikasi, kerja berpasukan serta pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.

Menurut ketua program, Prof. Madya Dr. Nurul Ulfah binti Karim, pendekatan bersepadu melalui syarahan dan modul aktiviti ini mendorong peserta untuk berfikir secara kritis dan bertindak secara bertanggungjawab. Kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan alam marin dan kepelbagaian spesies akuatik perlu dipupuk sejak usia muda agar generasi akan datang lebih bertanggungjawab dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem laut bagi menjamin keselamatan dan kualiti makanan laut.

Secara keseluruhannya, Program USR AkuatLestari bukan sahaja berjaya meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pelajar terhadap alam marin, malah mengukuhkan hubungan kerjasama antara universiti, masyarakat dan institusi pendidikan dalam usaha melahirkan generasi yang peka terhadap kelestarian alam sekitar.




AKTA HAK CIPTA 1987 / COPYRIGHT ACT 1987
PERATURAN PERALIHAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SIHAK MELALUI) 2012
COPYRIGHT NOTICE (NOTICE BY DEED) 2012

Sijil Pemberitahuan Hak Cipta
Certificate of Notification of Copyright

Notis Pemberitahuan (Notification Number) CRDV2025C12653 Sijil Pemberitahuan ini dikeluarkan menurut seksyen 205 Akta Hak Cipta 1987 / (AKTA 332). Hak cipta dalam karya telah dipaparkan kepada Penguatkuasa tarikh pemberitahuan dan seperti yang diperincikan di sini. This Certificate of Notification is issued pursuant to section 205 of the Copyright Act 1987 [Act 332]. The copyright in the work was notified to the Controller on the date of notification and as detailed herein. 10 DECEMBER 2025 Tarikh Pemberitahuan (Date of Notification)  YUSNIEZA SYARMILA BINTI YUSOFF PENGAWAL HAK CIPTA MALAYSIA COPYRIGHT CONTROLLER OF MALAYSIA	Tajuk Karya / Title of Work AKUALESTARI : TEROKAAN HIDUPAN AKUATIK Kategori Karya / Category of Work DERIVATIVE_MY (DERIVATIVE) Tarikh Karya Dicipta / Date of Creation 01 JANUARY 2025 Tarikh & Negara / Penerbitan Pertama (Date & Country of First Published) / Pemilik / Owner UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 21030 KUALA NERUS TERENGGANU MALAYSIA Pencipta / Author SITI TAFZILMERIAM BINTI SHEIKH ABDUL KADIR (), NURUL ULFAH BINTI KARIM (), NURZUHRAH BINTI HASSAN
--	---



Page 1 of 1





UMT-UDINUS PERKASA KESEDARAN KESIHATAN BELIA

Oleh: Dr Nurul Ashraf Razali
Dr Dina Azleema Mohamed Nor
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

UMT terus memperkukuhkan agenda pengantarabangsaan melalui penganjuran *UMT-UDINUS International Youth Health Collaboration 2026*, sebuah program mobiliti antarabangsa hasil kerjasama strategik bersama Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Semarang, Indonesia. Program ini memberi tumpuan kepada usaha pencegahan diabetes dan hipertensi melalui pendekatan teleperubatan, kempen anti-vaping serta pengamalan gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan belia universiti.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 40 orang pelajar Tahun 1 hingga Tahun 4 daripada Program Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar dan Sarjana Muda Teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK),

UMT. Penganjurannya merupakan hasil kerjasama erat antara UDINUS, FTKK dan Kelab EnTech UMT, di bawah penyelarasan Dr. Dina Azleema Mohamed Nor selaku Penasihat Kelab EnTech serta Dr. Nurul Ashraf Razali sebagai Penyelaras Mobiliti Antarabangsa.

Pengisian utama program ini telah dikendalikan oleh barisan pensyarah UDINUS, iaitu Dr. Ika Pantiawati, Widya Ratna Wulan, Tiara Fani dan Syifa Sofia Wibowo, menerusi sesi perkongsian dan perbincangan interaktif yang berlangsung dari jam 2.00 hingga 5.00 petang. Sesi ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai aplikasi teleperubatan dalam pencegahan awal penyakit, di samping meningkatkan kesedaran terhadap kesan negatif amalan *vaping* serta kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat. Menurut

Dr. Dina Azleema Mohamed Nor, program ini bukan sahaja memperkukuh jaringan akademik serantau, malah menyediakan pendedahan awal kepada pelajar terhadap isu kesihatan semasa dalam konteks global.

Sebagai penghargaan atas komitmen dan sumbangan dalam menjayakan program ini, penyampaian plak penghargaan telah disempurnakan oleh Dr. Wan Rafizah binti Wan Abdullah @ Wan Abdul Rahman, Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), FTKK kepada wakil pensyarah UDINUS yang terlibat.

Pendekatan pembelajaran interaktif yang digabungkan dengan penggunaan platform digital telah membuka ruang kepada pertukaran ilmu dan pengalaman akademik secara rentas sempadan. Inisiatif



ini secara tidak langsung memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar, khususnya dalam konteks mobiliti antarabangsa secara maya, serta menyokong usaha melahirkan graduan yang berfikiran global dan peka terhadap cabaran kesihatan masyarakat.

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan), penganjuran program ini mencerminkan peranan aktif institusi pengajian tinggi dalam memperkukuh jaringan kolaborasi akademik serantau yang berimpak tinggi.

Melalui penganjuran UMT-UDINUS International Youth Health Collaboration 2026, UMT terus komited menyediakan platform mobiliti antarabangsa yang bermakna serta memperkasa kerjasama akademik rentas sempadan demi kesejahteraan generasi muda.



LEBIH DARI SEKADAR MUET KEMAHIRAN INTERAKTIF UMT SEDIAKAN PELAJAR HADAPI DUNIA

Oleh: Dr. Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim
Pusat UMT Life



Menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi agar universiti memberi sokongan lebih holistik kepada pelajar, UMT telah menganjurkan bengkel khas untuk memperkasa kemahiran percakapan interaktif bahasa Inggeris pelajar asasinya. Bengkel sehari bertajuk '*Fundamental English Interactive Speaking Strategies*' pada 27 November 2025 itu dihadiri oleh 39 pelajar Pusat Asasi Stem (PASTEM) yang bakal menghadapi peperiksaan Malaysian University English Test (MUET). Micro-credential merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan UMT untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran yang boleh terus diaplikasikan. Ia dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk mengurangkan jurang antara pembelajaran teori di dalam kelas dengan keperluan komunikasi praktikal yang sebenar. Program ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan dasar KPT yang menekankan pembangunan kemahiran insaniah secara seimbang, di mana penguasaan komunikasi efektif diletakkan sebagai keutamaan untuk melengkapi kecemerlangan akademik.

Sebilangan peserta yang terlihat agak gugup diawal program namun setelah melalui sesi pengenalan yang menarik, mereka berjaya menghilangkan rasa malu atau rendah diri yang mengekang kerjasama dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih mesra dan berfokus. Aktiviti dinamik ini melibatkan pergerakan dan interaksi segera, yang memecahkan tembok psikologi untuk bertutur dengan lancar dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Ia berfungsi sebagai pengenalan yang sempurna kepada suasana pembelajaran kolaboratif yang akan berlangsung seterusnya. Ini juga turut diakui oleh tenaga pengajar micro-credential, Muhamad Khairul bin Zakaria.

Pelajar kemudian didedahkan dengan 'toolkit' perbualan yang praktikal, termasuk cara yang untuk mengambil giliran bercakap dan membina pendapat berdasarkan idea rakan yang lain. Kemahiran ini amat kritikal untuk memastikan perbualan mereka lancar, teratur, dan mencapai objektif. Pembelajaran frasa-frasa spesifik termasuk mencelah dan berkongsi idea turut memberikan mereka panduan

berkomunikasi yang jelas agar lebih strategik dan berkesan. Di samping itu, program diteruskan lagi dengan sesi perbincangan berkumpulan menggunakan kad peranan. Setiap pelajar mendapat peluang untuk merasai pengalaman dengan peranan yang berbeza seperti menjadi pengerusi yang mengetahui perbincangan serta ahli mesyuarat. “Bila ada kad tu, saya lebih faham apa yang perlu dilakukan. Tak ada lagi rasa terkial-kial nak mulakan perbualan,” ujar seorang peserta lain. Kad peranan ini memberikan struktur yang tersusun dan mengagihkan tanggungjawab ketika perbualan secara jelas dan memastikan penyertaan yang saksama daripada semua ahli.

Seterusnya, di penghujung bengkel, satu kuiz interaktif 30 soalan dijalankan secara dalam talian. Keputusan yang

diperoleh sangat membanggakan, dengan ramai pelajar mencapai skor yang tinggi. “Bila nampak markah penuh dalam kuiz tu, rasa semua yang belajar petang tadi betul-betul melekat. Rasa lebih bersedia,” kata salah seorang peserta. Kuiz tersebut direka bentuk untuk mencabar pemahaman konseptual mereka tentang strategi interaksi, bukan sekadar hafalan. Keputusan yang memberangsangkan ini berfungsi sebagai penanda aras objektif bagi kemajuan dan kesediaan mereka.

Tuntasnya, bengkel komunikasi anjuran Pusat UMT Life ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada kecemerlangan para pelajar Asasi UMT dalam komponen interaktif peperiksaan MUET. Usaha ini juga selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menekankan penguasaan dwibahasa. Dengan menyasarkan kemahiran yang spesifik, program sebegini dapat meningkatkan lagi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran mereka.

Para peserta bengkel bukan sahaja berupaya meningkatkan keyakinan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris untuk persediaan MUET tetapi juga berpeluang memantapkan kemahiran sosial serta kepimpinan melalui aktiviti perbincangan secara dinamik.



MELAHIRKAN KOMUNITI S.M.A.R.T DALAM ERA SIBER

Oleh: Prof. Madya Ts. Dr. Wan Nural Jawahir Hj Wan Yussof
Dr. Waheed Ali Hussein Mohammed Ghanem,
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Dalam era kehidupan yang semakin bergantung kepada teknologi digital, keselamatan siber bukan lagi isu teknikal semata-mata, tetapi menjadi tanggungjawab bersama seluruh masyarakat. Menyedari keperluan ini, UMT melalui Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menganjurkan program *CyberSAFE: Komuniti Digital Terjamin – Siri S.M.A.R.T (Secure, Mindful, Aware, Responsible, Trusted)* pada 10 Januari 2026 di Pusat Konvensyen UMT.

Program yang mendapat pembiayaan Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia ini menghimpunkan lebih 100 peserta daripada kalangan usahawan, penjawat awam, pekerja sektor swasta, serta golongan remaja dan belia. Ia turut mendapat kerjasama strategik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), CyberSecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) serta pihak industri seperti Cisco.

Pelaksanaan program ini bertepatan dengan realiti semasa yang menyaksikan peningkatan kes penipuan dalam talian, kecurian data, penyalahgunaan identiti digital dan pelbagai ancaman siber lain yang bukan sahaja memberi kesan kewangan, malah turut menjejaskan kesejahteraan emosi dan psikologi mangsa.

Melalui forum interaktif bersama pakar daripada agensi penguat kuasa dan badan kawal selia, peserta didedahkan kepada landskap ancaman siber semasa serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diamalkan dalam kehidupan harian. Perkongsian pengalaman sebenar kes jenayah siber menjadikan sesi ini lebih bermakna dan membuka mata peserta tentang betapa pentingnya kesedaran digital.

Program ini turut menyerlahkan peranan pelajar sebagai agen perubahan digital melalui penglibatan mereka dalam



pameran poster, kuiz interaktif dan aktiviti kesedaran siber. Seramai 41 pelajar terlibat secara aktif melalui inisiatif pembelajaran berasaskan khidmat masyarakat (SULAM), sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar sambil menyumbang kepada komuniti.

Sebagai nilai tambah, peserta turut berpeluang mengikuti *Bengkel Pensijilan "Introduction to Cybersecurity"* yang menyediakan laluan kepada pensijilan antarabangsa Cisco. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan literasi siber, malah turut memperkukuh kemahiran digital dan kebolehpasaran peserta.

Selari dengan aspirasi melahirkan komuniti S.M.A.R.T – Secure, Mindful, Aware, Responsible dan Trusted, kesinambungan program seperti ini diharapkan mampu membentuk masyarakat yang lebih celik digital, beretika dalam penggunaan teknologi serta berdaya tahan menghadapi ancaman siber. Usaha ini seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekosistem digital yang selamat, dipercayai dan sejahtera untuk semua.



COLORS SAFE SURPRISE

TEROKAAN DUNIA WARNA KANAK-KANAK

Oleh: Norliawati Mohd Sidek
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Dunia kita sememangnya dipenuhi bahan pewarna yang bukan sekadar cantik dilihat, tetapi juga penuh rahsia yang boleh mempengaruhi kesihatan dan keselamatan. Inilah konsep yang dibawa oleh program komuniti *Colors Safe Surprise*, satu inisiatif pendidikan berasaskan sains yang dirancang khusus untuk kanak-kanak prasekolah. Program ini memperkenalkan murid kepada konsep pewarna makanan dengan cara yang menarik, interaktif, dan selamat, sambil menanam kesedaran awal tentang perbezaan pewarna semula jadi dan tiruan.

Program ini dianjurkan oleh Jabatan Ilmu Dasar dan Keusahawanan (JIDK), Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), UMT melalui kursus PPA3143 Kimia dan Masyarakat. Matlamat utama adalah untuk membawa ilmu universiti terus ke komuniti, membolehkan murid prasekolah memahami sains asas dengan cara yang sesuai dengan tahap mereka. Aktiviti eksperimen dan permainan dirancang untuk mendedahkan murid kepada konsep pewarna makanan, sambil menekankan impak jangka panjang penggunaan pewarna tiruan terhadap kesihatan dan kebersihan. Pendekatan ini membolehkan sains menjadi subjek yang mengasyikkan, bukan hanya teori di atas kertas.

30 orang murid berumur 6 tahun daripada Tadika Little Caliphs, Gong Badak menjadi peserta aktif sepanjang tiga

setengah jam program berlangsung, bermula jam 8.00 pagi pada Ahad, 25 Mei 2025. Setiap murid diberi peluang melakukan eksperimen sendiri, memerhati perubahan warna dan mencatat pemerhatian dengan bimbingan fasilitator. Mereka bukan sekadar menonton, tetapi menjadi penyelidik kecil yang menguji, meneka, dan belajar melalui pengalaman yang praktikal.

Sepanjang program, murid terlibat dalam pelbagai aktiviti berperingkat yang menyatukan elemen visual, fizikal dan kognitif. Aktiviti utama termasuk *eksperimen pewarna semula jadi vs pewarna tiruan*, di mana murid dapat melihat perbezaan warna, ketahanan, dan kesan terhadap permukaan atau tangan. Aktiviti ini dijalankan di bawah pemantauan rapi fasilitator bagi memastikan keselamatan peserta sentiasa terjamin.

Seterusnya, *aktiviti permainan memori* membantu murid mengenal simbol dan warna, diikuti kuiz ringkas menilai kefahaman mereka. Aktiviti mewarna memberikan ruang mengekspresikan kreativiti sambil memahami konsep warna secara praktikal. Murid juga diajar teknik pembersihan selepas menggunakan pewarna, menggalakkan amalan kebersihan sejak kecil. Akhir sekali, *eksperimen campuran ajaib* memaparkan tindak balas kimia mudah, menimbulkan minat dan rasa ingin tahu terhadap sains dalam suasana gembira.

Program ini digerakkan oleh pelajar kursus PPA3143 dengan bimbingan Puan

Norliawati binti Mohd Sidek selaku ketua projek. Kehadiran mereka ke lokasi bertujuan memastikan kandungan program ini sesuai bagi peringkat kanak-kanak dan pelaksanaan berjalan lancar. Seramai lapan mahasiswa UMT telah bertindak sebagai pengarah, ahli jawatankuasa pelaksana dan fasilitator.

Melalui pengalaman langsung, murid dapat memahami bagaimana pewarna mempengaruhi makanan dan tubuh mereka. Dengan memberi pendedahan awal, program ini membantu membina asas kefahaman saintifik dan kesedaran keselamatan makanan yang berterusan. Pemilihan Tadika Little Caliphs sebagai

lokasi adalah strategik kerana murid prasekolah adalah penerima ilmu yang paling awal boleh membentuk tabiat sihat. Aktiviti praktikal membolehkan murid memahami kesan pewarna dan mengamalkan teknik pembersihan. Program ini menunjukkan tindakan pendidikan tempatan mampu memberi impak besar, memupuk budaya selamat dan minat sains sejak usia muda.

Colors Safe Surprise membuktikan bahawa pendidikan sains dan kesedaran keselamatan makanan boleh disampaikan secara menarik dan berkesan. Pendekatan pembelajaran interaktif ini membolehkan murid menguasai ilmu, kemahiran, dan kesedaran keselamatan yang boleh dibawa sepanjang hayat. Program ini menjadi contoh pelaksanaan aktiviti komuniti berimpak tinggi, menghubungkan universiti dengan masyarakat, dan membuka peluang untuk diperluas ke tadika lain dan juga ke sekolah rendah, lalu dapat memberikan lebih ramai kanak-kanak pendedahan awal kepada sains dan keselamatan makanan.

Kesimpulannya, program *Colors Safe Surprise* memperlihatkan bahawa pendidikan awal tentang pewarna makanan bukan sahaja memberi pelajaran, tetapi juga berkesan dalam membentuk tabiat sihat, kesedaran kritikal dan pemahaman saintifik sejak usia kecil. Dengan gabungan kepakaran akademik, fasilitator yang mesra dan penglibatan aktif murid, program ini menghasilkan pengalaman pembelajaran yang berkesan, selamat dan berimpak jangka panjang.



THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020
1001-1200

THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020 BY SUBJECT: PHYSICAL SCIENCES
601-800

THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020 BY SUBJECT: ENGINEERING
601-800

THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020 BY SUBJECT: SOCIAL SCIENCES
801-1000

Pencapaian UMT 2025



QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020
801-850

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020 BY SUBJECT: PHYSICAL SCIENCES
535

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020 BY SUBJECT: ENGINEERING
551-700

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2020 BY SUBJECT: SOCIAL SCIENCES
801-1000

THE BEST GLOBAL UNIVERSITIES
FOR THE 21ST CENTURY
WANT TO BE THE UNIVERSITY OF THE FUTURE?

100

100

100

100

100

100

100

100

100

Oleh: Noorullaily Saffain
Pusat Alumni UMT



Alumni juga diberikan maklumat terkini berkenaan hala tuju strategik Pusat Alumni khususnya berkaitan pembangunan jaringan industri dan pengukuhan pangkalan data alumni. Melalui perbincangan dua hala, beberapa peluang kerjasama masa depan dikenal pasti termasuk program pembangunan profesional, penglibatan alumni dalam program universiti serta potensi kolaborasi dengan pihak PTP bagi meningkatkan penyertaan alumni dalam inisiatif universiti.

Pusat Alumni UMT merakamkan penghargaan atas sokongan dan komitmen berterusan alumni di PTP. Kerjasama ini diyakini mampu memperkukuh hubungan strategik antara universiti dan alumni sekali gus memberi impak positif kepada pembangunan reputasi UMT di peringkat nasional dan antarabangsa.



PERISAI MINDA NUSANTARA: BERMULANYA REVOLUSI KAMPUS MINDA SELAMAT DAN SIHAT DI FSKM

Oleh: Prof. Madya Dr. Mohamad Nazri Husin
Nor Azlida Aleng
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Dalam usaha murni melahirkan graduan yang holistik, Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UMT telah melangkah setapak lagi melalui penganjuran Program Kolaborasi Antarabangsa - Kampus Minda Selamat dan Sihat. Program yang berlangsung pada 10 Januari 2026 ini merupakan buah hasil daripada memorandum persefahaman (MoU) yang telah dimeterai antara UMT dan Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Indonesia pada Mei 2024 yang lalu. Kerjasama strategik ini bukan sekadar pertemuan diplomatik, malah satu perisai buat mahasiswa dalam menangani isu kritikal seperti kesihatan mental, gangguan seksual dan kawalan tingkah laku vaping yang kian mencabar di era moden.

Keunikan program ini terserlah melalui sinergi kepakaran akademik daripada kedua-dua buah negara, di mana empat pensyarah dari UDINUS bergabung tenaga dengan enam pensyarah dari FSKM. Sepanjang program berlangsung, perbincangan mendalam mengenai penyelidikan bersama telah dijalankan, khususnya dalam melaksanakan ilmu statistik ke dalam bidang kesihatan. Fokus utama bukan sahaja terletak pada perkongsian data, malah bertujuan untuk melihat potensi kerjasama yang lebih luas melangkaui bidang Matematik, sekali gus

memperkukuhkan kedudukan kedua-dua universiti di persada antarabangsa.

Kemuncak kepada program ini diterjemahkan melalui siri ceramah intensif yang dikendalikan oleh barisan pakar dari UDINUS, khusus untuk 50 mahasiswa FSKM yang terpilih. Program bermula dengan perkongsian mendalam mengenai masalah kesihatan mental. Dalam sesi ini, mahasiswa didedahkan dengan teknik mengenal pasti simptom awal tekanan dan kaedah pengurusan emosi yang berkesan. Pengisian ini sangat penting bagi memastikan mahasiswa mampu mengekalkan kesejahteraan psikologi di tengah-tengah tekanan akademik yang mencabar.

Slot kedua lebih menekankan kepada topik pencegahan gangguan seksual. Pihak UDINUS berkongsi perspektif mengenai sempadan pergaulan serta langkah-langkah proaktif yang perlu diambil oleh pelajar untuk melindungi diri dan rakan sebaya. Kesedaran ini bertujuan membentuk komuniti kampus yang lebih berintegriti dan saling menghormati.

Siri ceramah diakhiri dengan perbincangan mengenai kawalan tingkah laku vaping. Melalui slot ini dikendalikan oleh Puan Widya Ratna Wulan tentang kesan jangka panjang penggunaan





rokok elektrik serta strategi psikologi untuk menjauhi tabiat tersebut. Inisiatif ini selaras dengan hasrat UMT untuk melahirkan warga kampus yang bebas daripada pengaruh gaya hidup tidak sihat.

Dr. Ika Pantiawati, selaku ketua delegasi dan wakil daripada UDINUS, menzahirkan rasa optimis beliau terhadap impak jangka panjang program kolaborasi ini. Beliau berharap agar inisiatif ini menjadi titik mula kepada perkongsian idea yang lebih kreatif dalam menangani isu-isu kesihatan di peringkat kampus. Menurut beliau, kolaborasi ini diharapkan dapat melahirkan persekitaran akademik yang lebih selamat dan kondusif bagi pelajar, di samping mempererat lagi silaturahim antara warga UMT dan UDINUS melalui penyelidikan yang berterusan.

Dengan sokongan penuh daripada FSKM, program ini berjaya membuktikan bahawa tembok perbezaan geografi bukanlah penghalang untuk mencapai matlamat bersama. Komitmen padu yang ditunjukkan oleh delegasi Indonesia dan tuan rumah ini diharap dapat membentuk satu ekosistem kampus yang bukan sahaja cemerlang secara intelek, malah sihat secara fizikal dan emosi demi masa depan generasi muda yang lebih gemilang.





PROGRAM MOBILITI BERKREDIT FSSM

TERAP PENGALAMAN BAHARU DI UNIVERSITAS NEGERI MALANG

Oleh: Dr. Noorlin Mohamad
Dr. Izan Jaafar
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

U saha UMT dalam memperkasa pendedahan pelajar ke peringkat antarabangsa terus diperkukuh menerusi penyertaan pelajar Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) dalam *Program Mobiliti Outbound Berkredit* di Universitas Negeri Malang (UM), Indonesia. Program yang berlangsung dari 6 hingga 25 Oktober 2025 ini merupakan anjuran Departmen Sains Terapan, Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam (FMIPA), UM. Ia menjadi platform strategik bagi meluaskan pengalaman akademik, serta kefahaman budaya dalam kalangan pelajar di peringkat serantau.

Program mobiliti ini merupakan kesinambungan kepada jalinan kerjasama akademik yang telah terjalin antara UMT dan UM sejak tahun 2023. Sebagai antara 10 universiti awam terbaik di Indonesia, UM menjadi rakan strategik yang ideal bagi merealisasikan pembelajaran merentas sempadan. Menariknya, program ini dijalankan secara hibrid, menggabungkan sesi kuliah dalam talian dengan aktiviti bersemuka seperti Mini-Simposium dan latihan praktikal di makmal. Seramai 14 orang pelajar program SMS (Kimia Analisis dan Persekitaran) telah menyertai program ini dengan diiringi oleh tiga orang pensyarah pengiring.



Melalui program mobiliti ini, pelajar bukan sahaja berpeluang mengikuti sesi pembelajaran, malah turut mendaftar kursus jangka pendek bertaraf elektif dengan dua jam kredit, memberikan nilai tambah kepada rekod akademik mereka. Melalui sesi akademik yang intensif, para pelajar telah didedahkan dengan pelbagai topik semasa termasuk aplikasi bioteknologi dalam penyelidikan dan kawalan malaria, aplikasi kimia analisis, serta isu pencemaran mikroplastik. Perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh pakar dan penyelidik daripada pelbagai institusi termasuk Universitas Brawijaya, Universitas Andalas, IPB University, Tianjin University (China), Universiti Teknologi Malaysia, serta penyelidik dari UM dan UMT sendiri. Selain sesi teori, pelajar turut menjalani latihan praktikal di makmal yang merangkumi penyediaan kultur kulat endofitik menggunakan beras sebagai medium alternatif, analisis fitokimia dan ujian antimalaria.

Seterusnya, penyertaan pelajar dalam *2025 International Essay Competition* anjuran FMIPA membuka ruang bagi mengasah kemahiran insaniah pelajar,




di mana pertandingan ini mencabar pemikiran kritis dan kemahiran penulisan pelajar di pentas antarabangsa, serta melibatkan elemen komunikasi dan kerja berpasukan. Melengkapi aspek akademik, kembara budaya turut menjadi pengisian program mobiliti ini. Lawatan ke Gunung Bromo memberikan peluang kepada pelajar menyaksikan keindahan matahari terbit di kawasan gunung berapi aktif yang ikonik. Interaksi erat bersama pelajar tempatan sepanjang program di Malang bukan sahaja memperkukuh hubungan persahabatan, malah membina integrasi budaya yang harmoni atas faktor persamaan bahasa dan nilai serumpun.

Secara keseluruhannya, *Program Mobiliti Outbound Berkredit* di Universitas Negeri Malang bagi tahun 2025 ini berjaya memberikan pengalaman pembelajaran holistik yang merangkumi aspek akademik, budaya dan pembangunan sendiri. Inisiatif ini selari dengan aspirasi UMT untuk melahirkan graduan yang kompetitif dan berdaya saing di peringkat global, sekali gus memperkukuh kedudukan universiti dalam rangkaian akademik serantau.



METODE LOW-CODE MENGUNAKAN MS POWER APPS MEMBANGUNKAN APLIKASI MUDAH ALIH PANTAS

Oleh: Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah
Nur Syahirah Mohd. Johari
Fakulti Sains Komputer dan Matematik



Kelab Mahasiswa Teknologi Komputer (COMTECH), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UMT telah berjaya menganjurkan bengkel *Mobile App Development with MS Power Apps for Novices* pada 19 Disember 2025 bertempat di Makmal Pengaturcaraan 1, FSKM. Bengkel yang dihadiri oleh Pasukan Pembangun Projek bertujuan sebagai langkah kesiapsiagaan pembangunan projek COMTECH2Serve: A Sustainable Mobile App for Community Volunteering.

Bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan asas penggunaan Power Apps sebagai platform pembangunan aplikasi mudah alih yang berteraskan *low-code*. Kaedah ini membolehkan pembangunan aplikasi mudah alih dilakukan

dengan mudah dan pantas serta tumpuan terarah kepada kefungsian aplikasi dan kreativiti pembangun.

Para peserta telah diperkenalkan dengan muka platform, sumber data dan aliran kerja pembangunan aplikasi. Mereka diberi panduan dalam pembinaan aplikasi ringkas yang berfungsi bermula daripada penyediaan reka bentuk, sambungan data sehinggalah proses pengujian aplikasi. Di akhir bengkel, aspek perancangan dan pengurusan projek serta aspek penyusunan dan penyelarasan aktiviti turut disentuh agar projek COMTECH2Serve dapat berjalan dengan sistematik dan terkawal.


Projek COMTECH2Serve ialah pembangunan aplikasi mudah alih yang mendekatkan mahasiswa UMT, khususnya

warga COMTECH dengan aktiviti kesukarelawan komuniti yang bertumpu di daerah Kuala Nerus dan daerah Kuala Terengganu. Projek ini bertujuan untuk memupuk tanggungjawab sivik bersama pertubuhan NGO, sekolah dan masyarakat setempat dengan mendokong aspirasi 'Touching Lives', 'Making a Difference' dan 'Be Kind'. Kewujudan aplikasi mudah alih COMTECH2Serve dijangka akan mengembangkan peranan COMTECH yang selama ini memfokus kepada kecemerlangan akademik dengan turut mengambil bahagian dalam inisiatif kelestarian sosial UMT.

Penganjuran bengkel ini adalah selaras dengan komitmen FSKM dan UMT untuk memperkukuh kemahiran digital

mahasiswa dan menggalakkan inovasi sosial yang memberi impak terhadap kelestarian. Semoga usaha kecil ini menjadi tapak kepada COMTECH untuk mengembangkan aktiviti kesukarelawan sekali gus dapat menyumbang kepada komuniti secara berterusan.

Bengkel ini juga dikendalikan oleh Pensyarah Sains Komputer FSKM, Ts. Dr. Khairul Annuar bin Abdullah merangkap Penasihat COMTECH yang sudi berkongsi kemahiran dan pengalaman dalam pembangunan aplikasi mudah alih. Pendekatan bengkel secara interaktif dan *hands-on* memudah dan mempercepatkan Pasukan Pembangun Projek dan para peserta dalam mengaplikasikan Power Apps.





AKUATROP PERKAYA PENGALAMAN



PENYELIDIKAN AKADEMIK MAHASISWA UNIVERSITAS AIRLANGGA

Oleh:

Nurzuhrh Hassan
Nurul Ulfah Karim
Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Pengalaman menjalani latihan industri di luar negara membuka lembaran baharu buat empat mahasiswa dari Program Teknologi Hasil Perikanan, Fakultas Perikanan dan Kelautan, Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia, apabila mereka menyertai Program Mobiliti Inbound di Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Program yang dijalankan selama sebulan ini, bermula 28 Oktober hingga 25 November 2025, memberi peluang yang berharga kepada mahasiswa antarabangsa untuk mendalami bidang teknologi produk perikanan, penyelidikan akuakultur serta pemprosesan hasil marin, selari dengan kepakaran UMT sebagai universiti yang berfokuskan sains marin dan sumber akuatik. Sepanjang tempoh latihan yang diselia oleh Profesor Madya Dr. Nurul Ulfah binti Karim, para mahasiswa terlibat secara langsung dalam aktiviti makmal, penyelidikan berasaskan projek serta penggunaan peralatan makmal berteknologi tinggi yang terdapat di AKUATROP.

Selain mempertingkatkan kemahiran teknikal, program ini turut berperanan sebagai medium pertukaran ilmu, budaya

dan pengalaman akademik antara Malaysia dan Indonesia. Interaksi rapat bersama penyelidik, pensyarah serta pelajar UMT memberi pendedahan kepada mahasiswa UNAIR terhadap amalan terbaik dalam penyelidikan akuakultur tropika dan pengurusan sumber perikanan secara lestari.

Salah seorang peserta, Elzy Novita Pristanty, menyifatkan pilihannya mengikuti latihan industri di UMT sebagai satu pengalaman yang amat bermakna. Menurutinya, pengalaman tersebut menjadi bekalan penting untuk masa depan, khususnya dalam meningkatkan kemahiran profesional, memperluas jaringan dan membina keyakinan dalam menghadapi cabaran kerjaya.

Pengalaman menyesuaikan diri di persekitaran baharu, termasuk perbezaan budaya, cara kerja dan kaedah penyelidikan, bukan sesuatu yang mudah, namun bagi Khoirun Nisak Rahmawati, cabaran tersebut menjadi proses pembelajaran yang berharga. Minat beliau menyertai program latihan di luar negara didorong oleh keinginan untuk memahami proses penyelidikan di negara lain serta meningkatkan kualiti penyelidikan akademiknya.

Sementara itu, Faiz Naufal Rahman tertarik dengan kekuatan penyelidikan yang dijalankan di UMT, khususnya di AKUATROP. Beliau berharap dapat membawa pulang pengetahuan berkaitan proses ekstraksi dan karakterisasi kolagen ikan, termasuk penggunaan analisis *Fourier Transform Infrared Spectroscopy* (FTIR), bagi menyokong kajian biomaterial berasaskan sumber perikanan di UNAIR.

Bagi Aisyah Alfina Amarilis pula, penyertaan dalam program ini didorong oleh keinginan untuk memperluas pengalaman akademik dan profesional di peringkat antarabangsa. Beliau membuat persediaan rapi dengan mempelajari asas berkaitan bidang latihan, mengurus masa secara berkesan serta mengekalkan sikap terbuka dan positif. Menurutnya, pengalaman ini amat bernilai dalam membina keyakinan diri serta jaringan profesional untuk masa hadapan.

Menurut pihak AKUATROP UMT, penglibatan mahasiswa antarabangsa



dalam Program Mobiliti Inbound ini selari dengan agenda pengantarabangsaan universiti dan usaha berterusan untuk menjadikan UMT sebagai pusat rujukan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan sumber akuatik di peringkat global.

Kerjasama strategik antara UMT dan UNAIR ini diharap dapat diteruskan dan diperkukuh melalui pelbagai inisiatif lain selain program mobiliti pelajar, iaitu seperti penyelidikan bersama serta pertukaran akademik pada masa hadapan.

Secara keseluruhan, Program Mobiliti Inbound ini bukan sahaja memberi manfaat besar kepada mahasiswa UNAIR, malah turut memperkukuh ekosistem akademik UMT melalui perkongsian perspektif antarabangsa, pengalaman rentas budaya serta pengukuhan jaringan global dalam bidang sains marin dan perikanan.





BENGKEL PENCAPAIAN DAN PERANCANGAN STRATEGIK PERKUKUH AGENDA ALUMNI

Oleh: Noorullaily Saffain
Pusat Alumni UMT

UMT melalui Pusat Alumni telah menganjurkan Bengkel Pencapaian Alumni 2025 dan Perancangan Program Alumni 2026 selama tiga hari bermula 22 hingga 24 Januari 2026 bertempat di Renai Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Bengkel ini diadakan adalah untuk menilai pencapaian pelaksanaan program alumni sepanjang tahun 2025 serta merangka perancangan program yang lebih tersusun dan berimpak tinggi bagi tahun 2026 selaras dengan Pelan Strategik UMT 2023–2027 (PSUMT 2023–2027) dan Pelan Hala Tuju Alumni UMT 2023–2027 (PEHTA 2023–2027).

Majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain,. Dalam ucapannya, beliau menegaskan peranan alumni sebagai aset strategik universiti dalam memperkukuh reputasi institusi, memperluas jaringan kerjasama serta menyumbang secara berterusan kepada pembangunan pelajar dan komuniti alumni.

“Penganjuran bengkel ini menjadi platform penting untuk menilai

keberkesanan program alumni sedia ada, mengenal pasti cabaran serta merangka strategi baharu yang lebih mampan bagi meningkatkan penglibatan alumni dan sumbangan kepada universiti,” katanya.

Seramai 35 peserta terlibat dalam bengkel ini yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Alumni UMT (PAUMT), penyelaras alumni fakulti serta pengurusan Pusat Alumni UMT. Penyertaan menyeluruh ini





mencerminkan komitmen kolektif universiti dalam memperkasa agenda alumni secara bersepadu.

Sepanjang bengkel berlangsung, peserta membincangkan pencapaian program alumni 2025 termasuk prestasi terhadap petunjuk prestasi utama (KPI) universiti khususnya dari aspek penglibatan alumni dalam program universiti serta peningkatan sumbangan alumni. Bengkel ini turut memberi fokus kepada perancangan program alumni 2026 yang berpaksikan enam teras utama PEHTA 2023–2027 iaitu pengesanan alumni, pembudayaan alumni, pembangunan alumni, penajaan kewangan, penjagaan kebajikan alumni dan penyumbangan kembali alumni.

Antara hasil pencapaian utama bengkel ini ialah cadangan penambahbaikan program alumni sedia ada agar lebih berfokus kepada keperluan kerjaya, pembangunan profesional dan kebajikan alumni. Selain itu, penyelarasan perancangan program alumni 2026 di peringkat fakulti dan pusat bagi mengelakkan pertindihan serta meningkatkan impak pelaksanaan serta meningkatkan pengukuhan peranan PAUMT sebagai rakan strategik universiti dalam menggerakkan jaringan alumni dan aktiviti sumbangan berterusan.

Kemuncak bengkel menyaksikan pembentangan resolusi bengkel dan pelan pelaksanaan Program Alumni 2026 oleh wakil fakulti dan Persatuan Alumni UMT. Resolusi yang dicapai merangkumi cadangan program berimpak tinggi, sasaran penglibatan alumni serta mekanisme pemantauan dan pelaporan pencapaian KPI alumni bagi tahun 2026. Bengkel ini ditutup dengan sesi rumusan dan penetapan keputusan tindakan yang menetapkan komitmen bersama antara Pusat Alumni, penyelarasa alumni fakulti dan PAUMT dalam memastikan setiap perancangan yang dipersetujui dapat dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

Penganjuran bengkel di luar kampus turut dilihat sebagai langkah strategik bagi mewujudkan persekitaran perbincangan yang kondusif dan fokus sekali gus membolehkan perancangan dilaksanakan secara lebih mendalam dan berkesan. Pusat Alumni komited untuk terus memperkukuh hubungan dengan alumni serta menjadikan jaringan alumni sebagai rakan strategik universiti dalam merealisasikan agenda kecemerlangan institusi di peringkat nasional dan global.





MANIFESTASI KECEMERLANGAN AKADEMIK REFLEKSI ACCOUNTING EXCELLENCE AWARD 2025

Oleh: Dr. Nor Hazwani Binti Hassan
Prof. Dr. Akmalia Mohamad Ariff
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS).

Pada 11 Januari 2026, Kelab Himpunan Siswa Siswi Perakaunan (HISAAC) dibawah seliaan Sarjana Muda Perakaunan (SMP) telah berjaya menganjurkan Accounting Excellence Award 2025 bagi sesi Akademik 2024/2025 buat kali kedua. Majlis yang berlangsung di Auditorium INOS, UMT ini merupakan satu inisiatif murni dalam memperkasakan budaya kecemerlangan akademik serta memberi pengiktirafan rasmi kepada mahasiswa Program Sarjana Muda Perakaunan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam komponen kurikulum teras.

Majlis Accounting Excellence Award 2025 dianjurkan bertujuan untuk memotivasikan pelajar SMP bagi mencapai standard kompetensi yang tinggi dalam bidang perakaunan. Sebagai sebuah disiplin yang menuntut ketepatan dan pematuhan piawaian, pengiktirafan ini berfungsi sebagai kayu ukur prestasi pelajar sebelum melangkah ke alam kerjaya profesional.

Majlis telah disempurnakan dengan ucapan perasmian oleh Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), Prof. Madya Dr. Nazli bin Aziz. Antara intipati ucapan beliau,

pengiktirafan kecemerlangan ini adalah indikasi tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berstandard tinggi, sekali gus membuktikan komitmen fakulti dalam melahirkan modal insan yang mempunyai nilai etika profesionalisme.

Bagi memastikan pengiktirafan yang holistik, anugerah diberikan kepada pelajar terbaik berdasarkan penguasaan dalam pengkhususan bidang perakaunan yang menjadi nadi dalam profesion perakaunan.

Kategori tersebut merangkumi bidang *Financial Accounting and Reporting (FAR)*, *Audit, Taxation, Management Accounting, Accounting Information System (AIS)* dan *Integrated Case Study (ICS)*.

Keunikan majlis anugerah kali ini diserikan lagi dengan perkongsian ilmu yang bersifat praktikal menerusi slot khas bersama industri. Sesi perkongsian ilmu bertajuk “*Smart Taxes for Young*



Professionals” telah disampaikan oleh Associate Director SALIHIN Tax Advisory Sdn Bhd, Tuan Aminudin Awaludin. Perkongsian ini memberi dimensi baharu kepada para pelajar dalam penguasaan teori percukaian yang diterjemahkan ke dalam strategi pengurusan cukai yang beretika.

Keutuhan akademik majlis ini tidak hanya bersandar kepada penilaian akademik semata, malah ia diperkukuhkan lagi melalui jalinan kerjasama strategik yang erat antara pihak fakulti dengan badan profesional serta firma industri terkemuka. Penglibatan entiti besar seperti Malaysian Institute of Accountants (MIA), Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), dan SALIHIN sebagai penaja utama merupakan satu manifestasi kepada pengiktirafan industri terhadap kualiti graduan UMT yang dihasilkan. Ini turut memberi tambah nilai terhadap kredibiliti anugerah yang diterima oleh penerima anugerah.



BENGKEL PEMANTAPAN KEPIMPINAN KUAT PERKASA TADBIR URUS KESATUAN

Oleh: Abd. Razak Mamat
Pejabat Transformasi Perancangan Strategik dan Risiko
Faridah Jaafar
Pusat Pengurusan Siswazah

Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Terengganu (KUAT) berjaya menganjurkan Bengkel Pemantapan Kepimpinan dalam Mentadbir Urus Kesatuan pada 24 hingga 27 Disember 2025. Bengkel ini bertujuan memperkukuh kemahiran kepimpinan ahli KUAT dalam mengurus tadbir kesatuan secara lebih berkesan.

Program ini telah mendapat geran RM11,000.00 daripada Jabatan Hal Ehwal Sekerja Terengganu dan Kelantan melalui Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) Tahun 2025, di bawah Kategori Kluster Latihan dan Pendidikan. Bengkel bermula di Dewan Jamuan Senat, UMT sebelum diteruskan di Hotel Sentral Riverview, Melaka, dengan penyertaan aktif para ahli KUAT.

Seramai 76 peserta telah menyertai sesi bengkel yang dianjurkan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), manakala 46 peserta lain mengikuti program bengkel di Melaka. Bengkel ini dirancang sebagai platform untuk memperkukuh kefahaman ahli terhadap peranan kesatuan, sambil meningkatkan kemahiran kepimpinan dan tadbir urus organisasi secara lebih sistematik dan berkesan.

Melalui pelbagai aktiviti interaktif dan sesi perkongsian ilmu, ahli diberi peluang untuk mengasah kemahiran kepimpinan mereka serta memahami tanggungjawab dalam menguruskan organisasi secara profesional. Aktiviti ini diharap dapat memperkukuh tadbir urus kesatuan dan menyediakan ahli dengan kemahiran penting bagi menghadapi cabaran masa hadapan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Terengganu dan Kelantan, Encik Rosli bin Zakaria. Dalam ucapan beliau, penekanan diberikan kepada kepentingan pematuhan peraturan, integriti dalam pengurusan kesatuan serta peranan strategik kesatuan dalam menjaga kebajikan ahli.

Pada masa yang sama, turut berlangsungnya penyampaian sijil keanggotaan baharu Kesatuan KUAT yang telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Terengganu dan Kelantan.

Sepanjang bengkel berlangsung, para peserta telah mengikuti pelbagai sesi pengisian yang padat dan bermanfaat. Antaranya termasuk sesi berkaitan fungsi dan peranan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja, taklimat kesatuan KUAT, sesi kenal suai antara ahli lama dan baharu.

Antara pengisian utama yang mendapat perhatian ialah sesi bertajuk “Strategi Solidariti dan Advokasi Kebajikan Penjawat Awam 2025” serta “Gabungan Kesatuan Sekerja Memperkuatkan Peranan Sekerja” yang disampaikan oleh Pengerusi CUEPACS Negeri Terengganu, YBrs. Tuan Haji Zainudin bin Daud.

Program turut memberi ruang kepada perbincangan kumpulan yang dikendalikan oleh barisan kepimpinan KUAT bagi membincangkan cabaran semasa serta hala tuju kesatuan. Sesi rumusan telah



disampaikan oleh Presiden KUAT UMT, YBrs. Encik Mohd Kamal Azani bin Sulaiman yang menegaskan komitmen kesatuan dalam merangka perancangan strategik bagi tahun 2026.

Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya mencapai objektif yang digariskan dengan memberi pendedahan menyeluruh berkaitan kepimpinan, komunikasi strategik, pengurusan konflik serta tadbir urus berintegriti. Program ini bukan sahaja mengukuhkan kefahaman ahli, malah mempererat hubungan silaturahim antara ahli lama dan baharu.

BENGKEL KEMAHIRAN DIGITAL BERSAMA KOMUNITI USAHAWAN OKU

Oleh: Prof. Madya Ts. Dr. Noraida Haji Ali
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Sejajar dengan dapatan Geran Projek Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (2025) yang bertajuk *"Keberkesanan Intervensi Digital dalam Memperkasa Usahawan OKU Terhadap Penggunaan Laman Sesawang dan Pemasaran Digital"*, satu Bengkel Kemahiran Digital telah dianjurkan pada 31 Disember 2025 dengan objektif utama untuk meningkatkan tahap literasi dan kecekapan digital dalam kalangan usahawan OKU koperasi TAPAI. Bengkel ini memfokuskan kepada aspek kesedaran keselamatan data, asas fotografi produk, serta asas pemasaran digital bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam persekitaran.

Sepanjang pelaksanaan bengkel, peserta menunjukkan tahap komitmen yang tinggi serta keterujaan yang jelas terhadap ilmu dan kemahiran baharu yang diperkenalkan. Penglibatan aktif peserta dalam sesi perbincangan, sesi latihan, dan aktiviti interaktif mencerminkan kesediaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi digital dalam pengurusan dan pemasaran perniagaan. Respons positif ini menunjukkan bahawa

usahawan OKU bukan sahaja bersedia menerima perubahan, malah bermotivasi untuk memanfaatkan teknologi digital sebagai medium pengembangan perniagaan dan peningkatan pendapatan.

Pelaksanaan bengkel ini telah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan pengetahuan, kesedaran, dan kemahiran praktikal peserta dalam memanfaatkan teknologi digital secara strategik. Selain itu, usahawan OKU turut dibimbing dalam penghasilan kandungan visual dan bahan pemasaran yang lebih menarik, berkualiti, dan relevan dengan kehendak pasaran semasa.

Dalam konteks pembangunan sosioekonomi semasa, transformasi digital dalam kalangan usahawan OKU di Malaysia semakin diiktiraf sebagai pemangkin utama kepada peningkatan kesejahteraan, kebolehdayaan, dan keterangkuman ekonomi. Penggunaan teknologi digital seperti laman sesawang e-dagang, platform media sosial, dan automasi pemasaran telah membuka peluang baharu kepada usahawan OKU untuk menembusi pasaran yang lebih luas, termasuk di peringkat nasional dan global.



Koperasi Komuniti Cakna Wakaf Tapai Marang Berhad (KOWATA) yang merupakan sebuah koperasi bermula sejak 15 Julai 2019, telah membawa jenama TAPAI bagi mengkomersialkan produk kraf berasaskan batik Terengganu yang dihasilkan oleh artisan OKU terlatih, sekali gus menyumbang kepada pemeliharaan warisan kraf tradisional negeri Terengganu serta memperkukuh keterlibatan komuniti OKU dalam ekonomi kreatif.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan keperluan mendesak bagi usahawan OKU untuk memanfaatkan

teknologi digital sebagai medium utama dalam memperluaskan capaian pasaran dan meningkatkan prestasi jualan secara mampan. Pembangunan laman sesawang perniagaan yang khusus, digabungkan dengan pelaksanaan latihan kemahiran digital yang sistematik dan berterusan, bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pembangunan sosioekonomi, malah memainkan peranan penting dalam pembinaan kapasiti serta peningkatan literasi teknologi dalam kalangan komuniti marginal.





BENGKEL GITHUB COPILOT BANTU MAHASISWA KUASAI TEKNOLOGI AI

Oleh: Ts. Dr. Khairul Annuar Abdullah
Nur Qistina Balqis Khairul Anuar
Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Kelab Mahasiswa Teknologi Komputer (COMTECH), Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UMT telah menganjurkan Bengkel *Web Development Using GitHub Copilot* pada 1 November 2025 yang bertempat di Bilik Mesyuarat e-Persidangan, Pusat Ekosistem Digital (PED). Bengkel GitHub Copilot ini telah menghimpunkan mahasiswa Sains Komputer Tahun 2 dan 3 dalam satu sesi perkongsian ilmu yang intensif dan berimpak tinggi. Penganjuran bengkel ini adalah manifestasi proaktif COMTECH terhadap perkembangan pesat teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam industri pembangunan perisian masa kini.

Dengan 40 orang peserta yang mengambil bahagian, bengkel GitHub Copilot bermatlamat memberikan pendedahan komprehensif berkenaan teknik pembangunan laman web moden dengan bantuan teknologi AI. Sambutan yang amat menggalakkan membuktikan kesedaran yang tinggi dalam kalangan mahasiswa akan pentingnya melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi terkini.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh penceramah undangan yang merupakan Pengarah PED UMT merangkap pensyarah FSKM, Prof. Madya Dr. Engku Fadzli Hasan bin Syed Abdullah. Menurut beliau, penggunaan AI seperti GitHub Copilot



bukanlah bertujuan untuk menggantikan peranan pengaturcara, sebaliknya bertindak sebagai rakan pengaturcara yang mampu mempercepatkan proses penjaan kod, mengurangkan ralat sintaks dan meningkatkan produktiviti dan kecekapan pembangunan laman web.

Bengkel bermula dengan para peserta dibimbing untuk menetapkan persekitaran pembangunan yang meliputi pemasangan pakej WebServer, konfigurasi VS Code IDE dan pengaktifan GitHub Copilot. Sesi diteruskan dengan mendalami struktur pangkalan data dan teknik Bootstrap. Kemuncak kepada bengkel ialah peserta mempelajari seni “prompting” iaitu teknik memberikan arahan yang lengkap dan spesifik kepada AI bagi menjana kod sistem berasaskan web yang kompleks secara automatik.

Secara keseluruhannya, Bengkel Web Development Using GitHub Copilot telah menyerlahkan sisi baharu dalam cara mahasiswa melihat ekosistem dan dunia pengaturcaraan masa hadapan. Inisiatif sebegini sejajar dengan aspirasi UMT yang ingin melahirkan graduan yang holistik, celik teknologi dan bersedia mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. COMTECH dengan slogan *Inspiring Technologies* kekal komited untuk terus menganjurkan program-program berimpak tinggi demi kelangsungan kecemerlangan mahasiswa FSKM.



PROGRAM KASIH RAMADAN MUTIARA & BERKAT 2026

SANTUNI GOLONGAN ASNAF DAN OKU

Oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman
Pusat Kesihatan Universiti
BERKAT Terengganu

Bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan yang penuh berkat, Program Kasih Ramadan Mutiara 2026 telah diteruskan dengan meraikan seramai 100 anak-anak dan pelajar terpilih dari sekolah berhampiran Kuala Nerus. Program ini dianjurkan oleh Kelab Wanita UMT MUTIARA dengan kerjasama Badan Kerja Amal Wanita Profesional Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (BERKAT) dan berlangsung pada 1 Mac 2026.

Pengerusi MUTIARA, Wan Sarimah Wan Razak berkata, Program Kasih Ramadan Mutiara diadakan bertujuan untuk meraikan 100 orang anak dan pelajar sekolah terpilih dengan menyediakan kelengkapan persalinan raya dan majlis iftar di UMT.

Antara sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan Kompleks

Mengabang Telipot, Sekolah Kebangsaan Tanjung Gelam dan Pusat Pemulihan dalam Komuniti Batu Rakit.

Sementara itu, Presiden BERKAT, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar yang juga merupakan mantan Naib Canselor UMT turut mengucapkan terima kasih atas sokongan dan sumbangan yang diberikan oleh individu dan juga badan korporat bagi menjayakan program pada kali ini termasuk syarikat Khalifa Cares dan Nazra Sdn.Bhd dan juga dalam kalangan ahli Jawatankuasa BERKAT.

Ujar Prof. Dato Dr. Aieni, "BERKAT sentiasa memberikan kerjasama padu dalam menjayakan program amal yang dapat meringankan golongan asnaf terutama pelajar sekolah dari keluarga yang kurang berkemampuan. Semoga dengan sumbangan ini dapat meringankan



beban keluarga dalam menyambut kedatangan Ramadan serta sambutan Aidilfitri yang bakal menjelma tidak lama lagi”.

Program kali ini juga diserikan lagi dengan kehadiran Penaung BERKAT, Toh Puan Seri Dr. Wan Hidayah Wan Ismail yang turut hadir ke majlis berbuka puasa di Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) UMT.

Toh Puan Seri Wan Hidayah ketika ditemui melahirkan rasa teruja dan bersyukur beliau atas program amal yang telah mencapai misi untuk membantu anak-anak golongan asnaf bagi meraikan kedatangan hari raya Aidilfitri yang bakal menjelma tidak lama lagi.

Toh Puan Seri Wan Hidayah turut berkata, “Jelas terbayang wajah kegembiraan anak-anak kecil ini apabila menerima sumbangan kelengkapan

seperti baju dan kasut baharu. Ada di antara mereka merupakan generasi bakal pemimpin masa hadapan. Justeru, saya melahirkan rasa bersyukur dan sekalung penghargaan atas keprihatinan semua pihak. Semoga ianya dapat diteruskan ke tahun berikutnya”.

Terdahulu, pelajar sekolah yang terlibat telah dibawa untuk memilih pakaian dan kelengkapan raya di Jakel, Mydin dan Dans Shoes Kuala Nerus. Pihak MUTIARA dan BERKAT turut merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang dan ahli MUTIARA dan BERKAT yang telah menaja program PKRM demi kesejahteraan golongan yang kurang berkemampuan.

Turut hadir ke majlis ialah Naib Canselor UMT, Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim dan Ketua PISM, Dr. Kasyfullah Abd Kadir.

SOLUSI KEHIDUPAN DENGAN TERAPI ZIKIR

ASMA'UL HUSNA AL-BAASITH (SIRI 23)

Oleh: Dr. Mohd Radhi Abu Shahim
Pensyarah Fakulti Peniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Di antara nama-nama Allah SWT ialah Allah Al-Baasith bermaksud Allah Yang Maha Meluaskan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah jualah yang menyempit dan meluaskan pemberian rezeki dan kepada-Nya lah kamu semua akan dikembalikan.”

(Al-Baqarah 2: 245)

Apakah beza nama Allah SWT al- Baasith dengan Allah SWT ar-Razzaq? Allah Ar-Razzaq ialah Allah Yang Memberi Rezeki daripada tiada kepada ada. Manakah Allah al-Baasith, Allah SWT meluaskan dan dikembangkan rezeki yang sedia ada. Maka kita adalah hamba Allah SWT yang tertakluk kepada kurniaan-kurniaan-Nya seperti firman-Nya lagi yang bermaksud:

“Allah meluaskan rezeki dan menyempitkannya bagi sesiapa yang Dia kehendaki.”

(Ar-Ra'd 13:26)

Di dalam hadis, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Ketiga-tiga perkara di dalam hadis di atas, Allah SWT akan meluaskan rezeki seseorang itu bukan sahaja di dunia, bahkan sehingga ke akhirat. Rezeki di sini bermaksud apa-apa sahaja keperluan bagi manusia.



Allah SWT menciptakan setiap manusia dengan sebab dan tujuan tertentu. Begitu juga Allah SWT mengurniakan rezeki kepada hamba-Nya dengan selayaknya kepada hamba itu dengan sebab-sebab tertentu.

Oleh itu, berdoa dan berusaha kepada Allah SWT agar ditakdirkan dengan takdir yang baik agar dikurniakan sebab-sebab untuk berjaya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah jualah yang menghantarkan angin lalu angin itu menggerakkan awan, kemudian Allah meluaskan menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendakinya.”

(Ar-Ruum 30:48)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menyatakan tentang sebab hujan itu diturunkan. Setiap perkara yang berlaku itu pasti ada sebab dan hikmahnya. Maka berusaha untuk mencari sebab-sebab rezeki dan berjaya.

Takrifan yang luas tentang rezeki di sisi Allah SWT bukan sahaja terhenti untuk kegunaan hamba-Nya di dunia sahaja, tetapi rezeki itu terus memberi manfaat walaupun kita telah memasuki di alam kubur. Perkara ini adalah sejajar dengan hadis Nabi SAW. Contohnya apabila sedekah jariah, wakaf yang dilakukan, maka pahala itu akan terus berkekalan. Antara rezeki yang Allah SWT anugerahkan kepada manusia ialah:

Ilmu adalah sangat luas, ia bukan ilmu agama sahaja tetapi meliputi seluruh aspek. Carilah ilmu di dalam apa jua bidang sekalipun selagi mana ia dapat memberi manfaat kepada kita. Allah SWT memberikan ilmu kepada hamba-Nya. Justeru itu, janganlah berasa sombong dengan ilmu yang ada dan jangan memperkecilkan orang lain. Ilmu bukan sahaja dapat dimanfaatkan di dunia, malah Allah SWT berkuasa untuk meluaskan ilmu itu dan dapat dimanfaatkan sehingga ke akhirat.

Zuriat merupakan anugerah dari Allah SWT iaitu cahaya mata hasil dari sebuah perkahwinan. Oleh itu, dalam hadis Nabi SAW orang yang mampu untuk berkahwin dan dia boleh berkahwin, tetapi sengaja ingin menjadi rahib dan tidak mahu berkahwin, maka dia bukanlah dari golongan umat Muhammad SAW.

“Barang siapa (lelaki) yang sudah mampu untuk berkahwin kemudian dia tidak berkahwin, maka dia tidak termasuk dalam golonganku.”

(Hadis Riwayat Thabrani dan Baihaqi, dengan sanad hasan)

Di dalam hadis Nabi SAW sebelum ini ada menyatakan bahawa apabila matinya anak Adam maka akan terputuslah amalannya, kecuali pada tiga perkara dan salah satu daripada perkara tersebut adalah doa dari anak yang soleh. Maka, anak-anak yang soleh ini merupakan zuriat yang akan terus mendoakan kita ketika mana kita telah meninggal dunia kelak.

Allah SWT memberikan dan meluaskannya rezeki bukan sahaja di dunia bahkan hingga ke akhirat. Oleh itu, Allah SWT yang telah memberikan ilmu kepada hamba-Nya. Justeru itu, janganlah berasa sombong dengan ilmu yang ada dan jangan memperkecilkan orang lain.

